

**MULAKAN ATAU KEMBANGKAN  
PERUSAHAAN ASAS TANI ANDA  
DENGAN PENCARIAN DANA**

A stylized grey silhouette of a person walking up a set of stairs that ascend from the bottom left towards the top right. The stairs are represented by a series of connected horizontal and vertical lines.

**PANDUAN  
PENULISAN  
RANCANGAN  
PERNIAGAAN**

Anas Azmi  
Ahmad Mokhtar Daud

siri terbitan:



**Bagi yang sentiasa berjuang untuk bertambah baik  
dari hari ke hari**

*Siri ini diterbitkan oleh:*



*Setiap eBook disertakan dengan:*



## Penulis bagi siri ini

(Kemaskini 20181207 revisi 0.0)



### **Ahmad Mokhtar Daud**

**Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan**  
Pengerusi Koperasi Cendawan Pahang  
Timbalan Pengerusi Suara Tani Pahang  
*Usahawan Cendawan, Penceramah*  
**018-371 5249**



### **Anas Azmi**

**Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal**  
Setiausaha Koperasi Cendawan Pahang  
Setiausaha Suara Tani Pahang  
*Usahawan IAT dan Sabun, Penulis*  
*Pemasar Online*  
**016-409 2053**

# ISI KANDUNGAN

BAGAIMANA GUNAKAN EBOOK INI UNTUK SIAPKAN PERMOHONAN ANDA? ....	6
BAB 1: PILIH DANA .....	8
SKOP BANTUAN IN-KIND CONTRIBUTION (IKC).....	9
(A) PERTANIAN .....	9
(B) PENTERNAKAN.....	10
(C) INDUSTRI ASAS TANI (IAT).....	10
CARTA PROSES PERMOHONAN UNTUK DANA IKC (PERMULAAN).....	11
SKOP PEMBIAYAAN AGRO-PRENEUR .....	12
CARTA PROSES PERMOHONAN UNTUK PEMBIAYAAN AGROPRENEUR MUDA (PENGEMBANGAN).....	12
BAB 2: BACA DAN TERUS BUAT.....	13
DOWNLOAD DULU SOFTCOPY UNTUK MULA.....	13
DOKUMEN YANG DIPERLUKAN .....	14
(I) Kertas Kerja bersama Unjuran Kewangan.....	15
(II) Sebut Harga dari 3 Syarikat Pembekal .....	18
(III) Gambar-Gambar Projek .....	19
(IV) Sijil-Sijil Kursus Berkaitan.....	19
(V) Salinan Pendaftaran Syarikat SSM .....	19
(VI) Perjanjian Sewa Tanah / Premis.....	20
(VII) Borang Hadapan Keperluan Agensi .....	20
(VIII) Gambar Berukuran Passport .....	22
BAB 3: BACA DAN EDIT .....	23
SIAPKAN MENURUT CHECKLIST.....	23
BETULKAN DAN EDIT SESEDAP RASA.....	24
BAB 4: BANDING DENGAN CONTOH.....	25

CARA SEMAK 1: DOWNLOAD CONTOH LENGKAP .....	25
CARA SEMAK 2: BANDINGKAN BAB DAN BAB .....	25
BAB 5: PRINT DAN HANTAR .....	26
KAEDAH PRINT DAN BIND .....	26
HANTAR KEPADA PEGAWAI .....	26
BAB 6: SIAP! APA LAGI? .....	28
FOLLOW UP 1: SEDIA UNTUK LAWATAN PEGAWAI.....	28
JANGAN LUPA FOLLOW UP .....	29
TERUSKAN JUGA WALAU GAGAL, CUBA LAGI .....	31
JANGAN LUPA JOIN KOMUNITI PERTANIAN .....	31
DAPATKAN UPDATE TAHUNAN BUKU INI.....	32
BAB 6: INGIN SIJIL KURSUS INI? .....	33
CARA 1: HADIRI KURSUS.....	33
JOIN WHATSAPP GROUP UNTUK INFO KURSUS TERBARU.....	33
HUBUNGI KAMI BAGI SEMAKAN KURSUS MASA TERDEKAT .....	33
CARA 2: LULUS EXAM ONLINE.....	34
UJIAN ONLINE SIJIL PENULISAN RANCANGAN PERNIAGAAN .....	34

## BAGAIMANA GUNAKAN EBOOK INI UNTUK SIAPKAN PERMOHONAN ANDA?

Hanya ada 1 TUJUAN UTAMA buku ini, iaitu:

**“ MEMASTIKAN ANDA BERJAYA MENYIAPKAN RANCANGAN PERNIAGAAN UNTUK PERMOHONAN DANA ”.**

Buku ini direkabentuk supaya di penghujung nanti anda telah pun menyiapkan permohonan dana beserta lengkap semua dokumen yang diperlukan. Buku ini menceritakan setiap langkah step by step beserta dengan pelbagai rujukan dan softcopy dokumen untuk memudahkan mencapai matlamat di atas ini.

Buku ini dijual secara online dan juga diberikan kepada yang membuat pengesahan kehadiran secara online bagi Kursus Rancangan Perniagaan yang dianjurkan oleh CoolLat.com dan Koperasi Bersatu Cendawan Pahang. Buku ini tidak boleh dicetak rompak atau dikongsi secara bebas tanpa persetujuan CoolLat.com dan para penulis.

Di dalam buku ini, kami akan terangkan sedalam yang secukupnya butiran yang anda perlu lengkapkan. Ia disusun secara langkah demi langkah untuk memudahkan anda menyiapkan rancangan perniagaan anda untuk permohonan. Di dalam buku ini juga kami letakkan link untuk anda klik dan download softcopy dan borang untuk anda lengkapkan semua dokumen anda. Adalah dinasihatkan anda tertib dan bersabar untuk mengumpul, menulis dan melengkapkan dokumen-dokumen ini kerana ia mungkin akan membuahkan dana besar untuk anda mula!

Secara mudahnya, berikut adalah cara mudah anda menyiapkan permohonan anda:

1. BAB 1: PILIH DANA BERSESUAIAN
2. BAB 2: BACA & TERUS BUAT (Bab ini panjang)
3. BAB 3: BACA & EDIT MANA YANG PERLU
4. BAB 4: BANDING DENGAN CONTOH
5. BAB 5: PRINT & HANTAR

Kebiasaanya, setiap kertas kerja sebegini mengambil kami masa setengah hari ke sehari untuk disiapkan dengan baik dengan syarat semua material telah tersedia. Lebih mahir anda dalam penulisan rancangan perniagaan ini, lebih mudah anda mendapati dana bagi meneruskan momentum perusahaan anda. Semoga anda sukses!

Bagi bidang pertanian, penternakan dan perikanan ini, MOA menyediakan bantuan dalam 2 bentuk di bawah Program Agropreneur Muda iaitu:

1. Bagi **PROJEK PERMULAAN**: Dana Geran In-Kind Contribution (sumbangan berbentuk barangan) sehingga nilai RM20,000. Ini merupakan dana geran bukan pinjaman.
2. Bagi **PROJEK PENGEMBANGAN**: Pakej Pembiayaan dari samada Agro Bank atau TEKUN dari RM50,000 ke RM200,000. Ini merupakan pinjaman.

Oleh sebab yang demikian, tidak kisah anda di fasa mana pun, masih ada bantuan yang boleh dipohon.

Bagi bacaan lanjut, sila klik di bawah ini:

<http://www.moa.gov.my/agropreneur-muda>

Syarat-syarat bagi melayakkan pemohon menyertai Program Agropreneur Muda adalah seperti berikut :

1. Warganegara Malaysia
2. Belia berumur di antara 18 hingga 40 tahun
3. Tidak mengira latar belakang pendidikan
4. WAJIB mengikuti program latihan teknikal yang dianjurkan atau diiktiraf oleh Jabatan / Agensi di bawah MOA yang berkaitan
5. Keutamaan kepada belia yang mempunyai kemudahan tanah dan premis sedia ada
6. Pemohon menggunakan borang UAM 01/14 dan setiap pemohon layak mengemukakan satu permohonan sahaja



## SKOP BANTUAN IN-KIND CONTRIBUTION (IKC)

Berikut adalah antara pilihan geran yang boleh dipilih bagi sektor pertanian, penternakan dan industri hiliran.

### (A) PERTANIAN

BIL	PROJEK	SYARAT	JUMLAH KELULUSAN IKC
1	<b>FERTIGASI CILI (TERBUKA)</b> Keperluan projek bagi 1,000 pokok - Sistem Fertigasi dan Kelengkapan	- Penyediaan Tanah 1/4 ekar - Tanah Rata dan Bersih	<b>RM20,000.00</b>
2	<b>FERTIGASI ROCK MELON (TERBUKA)</b> Keperluan projek bagi 1,000 pokok - Sistem Fertigasi dan Kelengkapan	- Penyediaan Tanah 1/4 ekar - Tanah Rata dan Bersih	<b>RM20,000.00</b>
3	<b>CENDAWAN</b> Keperluan projek bagi 4,000 bongkah - Sistem, Rumah dan Kelengkapan	- Penyediaan Tanah 1/4 ekar - Tanah Rata dan Bersih	<b>RM20,000.00</b>
4	<b>JAGUNG MANIS / BIJIRAN</b> Keperluan projek bagi 10,000 pokok - Sistem Sprinkler dan Kelengkapan	- Penyediaan Tanah 1 ekar - Tanah Rata dan Bersih	<b>RM15,000.00</b>
5	<b>SAYURAN</b> Keperluan projek bagi 1 Pusingan - Sistem Sprinkler dan Kelengkapan	- Penyediaan Tanah 1 ekar - Tanah Rata dan Bersih	<b>RM15,000.00</b>
6	<b>BUAH-BUAHAN / KELAPA</b> Keperluan projek bagi 1 Set - Sistem Drip dan Kelengkapan	- Penyediaan Tanah 1 ekar - Tanah Rata dan Bersih	<b>RM15,000.00</b>
7	<b>BUNGA (NURSERI)</b> Keperluan projek bagi 1 Set - Sistem Drip dan Kelengkapan	- Penyediaan Tanah 1 ekar - Tanah Rata dan Bersih	<b>RM10,000.00</b>
8	<b>TANAMAN NENAS</b> Keperluan projek bagi 20,000 pokok - Sistem dan Kelengkapan	- Penyediaan Tanah 1 ekar - Tanah Rata dan Bersih	<b>RM20,000.00</b>

## (B) PENTERNAKAN


BIL	PROJEK	SYARAT	JUMLAH KELULUSAN IKC
1	<b>TERNAKAN LEMBU</b> Keperluan Projek - 5 ekor anak lembu - Kandang - Makanan	- Penyediaan Tanah 1/4 ekar - Tanah Rata dan Bersih	<b>RM20,000.00</b>
2	<b>TERNAKAN KAMBING</b> Keperluan Projek - 30 ekor anak kambing - Kandang - Makanan	- Penyediaan Tanah 1/4 ekar - Tanah Rata dan Bersih	<b>RM20,000.00</b>
3	<b>TERNAKAN AYAM KAMPUNG / ITIK</b> Keperluan Projek - 1,000 ekor anak ayam / itik - Reban - Makanan	- Penyediaan Tanah 1/4 ekar - Tanah Rata dan Bersih	<b>RM20,000.00</b>
4	<b>TERNAKAN ARNAB</b> Keperluan Projek - 1,000 ekor anak arnab - Reban - Makanan	- Penyediaan Tanah 1/4 ekar - Tanah Rata dan Bersih	<b>RM20,000.00</b>

## (C) INDUSTRI ASAS TANI (IAT)

Tiada pakej untuk permohonan ini, anda perlu hasilkan sendiri kertas kerja dan mohon. Antara IAT yang dibolehkan untuk memohon ialah Pembuatan Roti, Pizza dan Kuih.

# CARTA PROSES PERMOHONAN UNTUK DANA IKC (PERMULAAN)

## 12.1 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PROJEK PERMULAAN ( GERAN IKC )




## SKOP PEMBIAYAAN AGRO-PRENEUR

Tiada pakej jelas bagi dana pembiayaan ini, tetapi kaedah permohonannya adalah sama seperti yang diterangkan di dalam buku ini. Jika anda memilih untuk memohon, rangkakan kertas kerja anda ini dengan sasaran lebih besar dan dengan pelan penggunaan bajet atas RM50,000. Dengan kata pendek, besarkan skala anda.

### CARTA PROSES PERMOHONAN UNTUK PEMBIAYAAN AGROPRENEUR MUDA (PENGEMBANGAN)

#### 12.3 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PROJEK PENGEMBANGAN (PEMBIAYAAN)



## BAB 2: BACA DAN TERUS BUAT

Sedikit peringatan. Bab ini merupakan bab terpanjang, dan majoriti fokus anda akan tertumpu di sini. Ianya tidak kompleks, tetapi cuma banyak butiran yang perlu diambil kira.

Bagi memudahkan dan mempercepatkan kerja kita, kami sediakan di sini softcopy dokumen Microsoft Words dan Microsoft Excel untuk anda terus edit dan key in sehingga siap.

### DOWNLOAD DULU SOFTCOPY UNTUK MULA

Sila download ke semua dokumen di bawah satu per satu dengan hanya klik link ini. Adalah disyorkan anda download terus ke dalam laptop / computer untuk memudahkan anda terus buat:

#### 1. **SOFTCOPY 1: MICROSOFT WORD**

1. [Rancangan Perniagaan Pisang Microsoft Word \(Sampel\)](#)

#### 2. **SOFTCOPY 2: MICROSOFT EXCEL**

1. [Unjuran Kewangan Pisang Microsoft Excel \(Sampel\)](#)

#### 3. **SOFTCOPY 3: PDF 7 BORANG AGROPRENEUR MUDA DAN IKC**

1. Muka Hadapan Permohonan
2. [LAMPIRAN \(1\) UAM 01/14 Pendaftaran Agropreneur Muda](#)
3. [LAMPIRAN \(2\) UAM 06/17 Penilaian Harga Pembekalan](#)
4. [LAMPIRAN \(3\) UAM 05/17 Penilaian Permohonan Geran](#)
5. [LAMPIRAN \(4\) UAM 03/16 Pembekalan](#)
6. [LAMPIRAN \(5\) UAM 02/14 Laporan Pemantauan](#)
7. [LAMPIRAN \(6\) UAM 04/16 Laporan Prestasi Usahawan](#)

#### 4. **SOFTCOPY 4: PDF PERMOHONAN LENGKAP UNTUK DIBANDING**

1. [Permohonan Lengkap Depan Ke Belakang Dana IKC Pisang \(Sampel\)](#)



FREE Softcopy Template

Selesai download, anda boleh membuka dan edit setiap satu dokumen ini menurut arahan yang seterusnya. Jom terus buat!

## DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Adalah disarankan yang anda menyediakan semua dokumen yang diperlukan di sini untuk mencerahkan lagi peluang anda untuk dana. Berikut adalah dokumen yang diperlukan:

### Check List 8 Dokumen untuk Permohonan

- Kertas Kerja bersama Unjuran Kewangan
- Sebut Harga Barang Keperluan dari 3 Syarikat Pembekal
- Gambar-Gambar Projek
- Sijil-Sijil Kursus
- Salinan SSM
- Perjanjian Sewaan Tanah / Premis
- Borang Hadapan
- Gambar Bersaiz Passport

Bagi setiap dokumen di atas ini, anda boleh menyemak cara mengisinya dengan softcopy ke-4 yang anda download sebentar tadi. Pdf Permohonan Lengkap itu mengandungi kesemua dokumen berisi beserta susuan yang betul untuk anda semak semasa sedang menyiapkan permohonan anda ini.

---

## (I) KERTAS KERJA BERSAMA UNJURAN KEWANGAN

Sila ikuti step by step bagi melengkapkan bahagian ini. Tidak susah, cuma banyak butiran yang perlu diambilkira. Buka Softcopy 1, Softcopy 2 dan Softcopy 4. Anda perlu edit dokumen-dokumen ini sepertimana langkah-langkah yang ditunjukkan.

Pastikan anda telah pun download contoh yang diberikan di awal bab ini. Ini akan memudahkan anda. Terbaik bagi anda jika anda menulis rancangan perniagaan anda ini sambil menyemak pada contoh berkenaan.

Pastikan setiap bahagian di bawah ini anda lengkapkan. Setiap satunya mestilah sekurang-kurang 1 muka surat:

1. Muka Hadapan
2. Tujuan
3. Latar Belakang Projek
  - a. Pastikan modal yang dikeluarkan sama dengan nilai pada
4. Pengenalan
5. Latar Belakang Pengusaha
6. Rancangan Pengurusan
7. Carta Organisasi
  - a. Gunakan Insert > Smart Art > Hierarchy, dan bina carta organisasi anda. Pastikan anda beberapa nama dan bukannya anda seorang.
8. Tugas dan Tanggungjawab
9. Rancangan Pemasaran
10. Rancangan Operasi & Carta Aliran
11. Rancangan Kewangan
12. Lampiran Kewangan
  - a. Proforma Aliran Tunai 5 Tahun
  - b. Aliran Tunai Tahun Pertama
  - c. Aliran Tunai Tahun Kedua
  - d. Aliran Tunai Tahun Ketiga
  - e. Aliran Tunai Tahun Ke-4
  - f. Aliran Tunai Tahun Ke-5

### 13. Gambar Projek

Bagi perkara (12) Lampiran Kewangan, anda mestilah menggunakan softcopy Excel yang diberikan di awal bab ini. Anda perlu ubah sehingga bertepatan dengan projek yang anda pilih. Langkah-langkahnya adalah seperti yang di bawah:

1. Download Softcopy Excel Unjuran Kewangan (rujuk awal Bab 2)
2. Edit tab (1) Kos Projek. Isikan dengan semua yang telah anda beli atau belanjakan untuk projek ini. Angka ini akan mencerminkan kesungguhan anda mengusahakan projek ini.
3. Edit tab (2) Dana IKC. Isikan apa kelengkapan yang anda ingini dengan dana yang anda bakal terima nanti. Sekiranya pakej yang anda minta bernilai RM20,000, pastikan segala kelengkapan yang diminta samada sama dengan nilai tersebut atau melebihi. Lebihan ini akan ditanggung sendiri oleh anda nanti, jadi tepat lebih bagus.
4. Edit tab (3) Aliran Tunai 5 Tahun. Isikan hanya bahagian yang bertanda kuning pada setiap tahun (5 tahun keseluruhan). Bahagian kuning yang perlu diisi adalah:
  - a. Anggaran jualan bulanan
  - b. Belian stok barang bulanan
  - c. Belian Stok, Modal Pusingan & Belian Peralatan bagi bulan pertama. Ketiga-tiga ini adalah pecahan dari apa yang anda anggarkan di tab (2) Dana IKC. Pecahan boleh mengikut komposisi yang sesuai untuk anda, cuma anda perlu pastikan sekiranya dijumlahkan ketiga-tiga ini, ia mestilah bersamaan dengan jumlah Dana IKC yang anda ingin mohon.
  - d. Lain-lain: Bil elektrik/air, Belanja Promosi, Lesen Perniagaan, Belanja Pelbagai dan Bayaran Balik Pinjaman hanya perlu diisi sekiranya ada. Sekiranya tiada, tinggalkan kosong. Bil elektrik dan air kami letakkan formula supaya anda hanya perlu isi sekali dan setiap bulan akan membawa nilai yang sama.



5. Semak tab (4) Proforma 5 Tahun. Bahagian ini tidak boleh diedit. Sekiranya di sini telah OK, anda telah selesai bahagian ini. Jika anda isi dengan baik, proforma ini akan kelihatan:
  - a. Jumlah jualan tahunan bertambah dari tahun ke tahun
  - b. Baki Kehadapan tahunan bertambah dari tahun ke tahun
6. Anda telah siap bahagian kewangan, yang tinggal hanyalah anda perlu copy paste dari excel ini masuk ke Microsoft Word rancangan perniagaan anda tadi. Caranya ialah:
  - a. Apa yang perlu dicopy? Kesemua sekali ada 8 jadual untuk dicopy paste:
    - i. (1) Kos Projek perlu dipaste pada bahagian Cadangan Penggunaan Bantuan
    - ii. (2) Dana IKC perlu dipaste pada bahagian Rancangan Kewangan
    - iii. (4) Proforma 5 Tahun perlu dipaste pada bahagian awal Lampiran Kewangan
    - iv. (3) Aliran Tunai 5 Tahun bagi setiap satu tahun perlu dipaste pada bahagian Lampiran Kewangan selepas daripada Proforma di langkah (iii) tadi
  - b. Bagaimana hendak copy paste?
    - i. Hitamkan bahagian yang ingin dicopy

No	Perkara	Unit	Status	Nilai (RM)
1	Set baja unsur kimia	1	Belian Tunai	2,000
2	Kelengkapan baja kimia	1	Belian Tunai	1,000
3	Baka cacing	10	Belian Tunai	5,000
4	Kelengkapan vermikompos	50	Belian Tunai	1,000
5	Pembaikan pintu & pagar	1	Upah	2,000
6	Mesin rumput	1	Belian Tunai	500
7	Mesin spray baja	1	Belian Tunai	500
8	Plastik litup	1	Belian Tunai	1,000
9	Sambungan elektrik	1	Upah	1,000
10	Perpaipan	1	Upah	1,000
Jumlah			RM15,000	

Isikan segala kelengkapan yang diperlukan bagi permohonan dana ini

- ii. Tekan Ctrl dan C serentak
- iii. Cari bahagian untuk anda paste dan klik tempat itu
- iv. Tekan Ctrl dan V serentak
- v. Betulkan kedudukan dengan cara Backspace atau Delete ruang kosong
- vi. Sekiranya ingin putar, klik pada gambar, kemudian klik section atas FORMAT, klik Rotate, pilih putaran yang diinginkan dan klik
- vii. Ulang bagi baki 7 lagi jadual

---

## (II) SEBUT HARGA DARI 3 SYARIKAT PEMBEKAL

Adalah disarankan yang anda lengkapkan dulu dokumen (i) di atas sebelum memulakan langkah ini. Ini kerana, anda perlu memastikan sebut harga ini selari dengan semua perancangan anda di dalam kertas kerja. Sekiranya anda bermasalah untuk mendapatkan pembekal, sila klik link yang berkaitan di bawah untuk kami hubungkan anda dengan pembekal berkenaan dengan kelengkapan yang anda perlukan.

Mohon anda lengkapkan dahulu pelan kelengkapan yang diinginkan bagi jumlah dana yang diminta sebelum menghubungi nombor tertera di bawah:

[Hubungi En Mokhtar untuk Sebut Harga](#)

Bagi setiap sebut harga ini pastikan lengkap ketiga-tiga dokumen di bawah bagi setiap pembekal:

1. Salinan Asal Sebut Harga
2. Salinan SSM Pembekal
3. Salinan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan

---

### (III) GAMBAR-GAMBAR PROJEK

Bagi yang sudah bermula, bahagian mudah bagi anda. Cuma ambil gambar aktiviti anda, hasil keluaran anda dan kelengkapan yang sudah sedia ada. Tidak mengapa sekiranya apa yang ada sangatlah sedikit atau buruk, sekurang-kurangnya di mata para pegawai nanti anda sudah nampak usaha permulaan untuk berjaya.

Bagi yang belum bermula, anda perlu lebih kreatif. Jangan sumbatkan gambar dari Google semata-matanya. Anda mungkin kantoi. Cara terbaik, adalah anda hadiri kursus di tempat latihan berkaitan dan ambil gambar di situ. Di tanah yang akan diusahakan nanti pula, anda kemaskan supaya nampak cantik dan tangkap gambar tapak tersebut.

---

### (IV) SIJIL-SIJIL KURSUS BERKAITAN

Setelah anda buat keputusan permohonan yang mana bersesuaian, anda mestilah mengumpul sedikit sebanyak sijil di bahagian ini. Sebagai contoh, anda ingin memohon dana cendawan, jadi anda perlulah mempunyai sekurang-kurangnya sijil asas penanaman cendawan. Masukkan juga sijil-sijil lain yang berkaitan pengurusan dan ilmu pertanian lain yang berkaitan untuk menguatkan kredibiliti anda. Fotostat dan kepilkan di dalam kertas kerja.

---

### (V) SALINAN PENDAFTARAN SYARIKAT SSM

Dokumen ini tidak wajib. Sungguhpun begitu, saya amat syorkan anda daftar sekurang-kurangnya satu enterprise untuk kebaikan jangka masa panjang. Ia juga mencerminkan diri anda seorang professional dan bersungguh-sungguh. Satu kelebihan di mata pegawai permohonan nanti.

---

## (VI) PERJANJIAN SEWA TANAH / PREMIS

Tanah yang anda cadangkan untuk diusahakan atau sedang diusahakan nanti mestilah mempunyai kebenaran atau geran di bawah nama sendiri. Sekiranya perlukan perjanjian, anda perlu buat surat perjanjian ringkas dengan tempoh perjanjian yang ditandatangani oleh pemilik tanah. Buat salinan dan fotostat lalu kepilkan bersama.

---

## (VII) BORANG HADAPAN KEPERLUAN AGENSI




Bergantung kepada siapa anda ingin memohon bantuan dana, borang adalah berlainan. Anda perlu semak spesifik dengan agensi berkenaan mengenai format atau borang yang perlu diisi secara manual. Bahagian ini wajib dan mesti di kepilkan di hadapan sekali.

Buka Softcopy 3 dan isikan dengan format sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Softcopy 4. Untuk memudahkan kerja, adalah dinasihatkan anda mengisi borang ini di dalam computer dengan cara mengedit di dalam pdf itu sendiri. Setelah siap, anda akan save dan print sahaja borang-borang ini dan letak di bahagian hadapan permohonan anda.

Berikut adalah borang yang samada perlu diisi atau dibiarkan kosong. Sekiranya perlu dibiarkan kosong, anda hanya perlu print sahaja tanpa edit.

Dokumen kali ini ialah pdf, jadi cara mengisinya agak berlainan. Cara termudah untuk isi adalah seperti di bawah ini:

1. Buka dokumen pdf, baca dan cara di mana untuk mengisi
2. Klik pada Tab Tools, klik ikon Fill & Sign, klik ikon Ab, pilih ruang yang ingin diisi, taip, dan klik utk ubah kedudukan jika perlu. Ulang untuk semua ruang yang perlu diisi.



d.

**BORANG PENDAFTARAN**

Perhatian :

- Borang diberi secara percuma dan Borang salinan fotostat dibenarkan.
- Sila kembalikan borang yang lengkap diisi kepada jabatan/agensi Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Daerah masing-masing

1. Nama (HURUF BESAR Mengikut Kad Pengenalan)  
ANAS BIN AZMI

2. No. Kad Pengenalan baru : 850707-07-5331 Umur : 34 Tahun  
(Sila keipikan salinan)

3. Alamat tetap : PD 27130, JALAN ROMPIN LAMA  
Poskod: 26600 Bandar : PEKAN Negeri : PAHANG

4. No. telefon (Rumah) : Email:  
(Bimbit) :

Sila lekatkan gambar terkini anda di sini

**PROGRAM AGROPRENEUR MUDA**  
**BORANG PENDAFTARAN**

Permohonan Geran

**Perhatian :**

- Borang diberi secara percuma dan Borang salinan fotostat dibenarkan.
- Sila kembalikan borang yang lengkap diisi kepada jabatan/agensi Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Daerah masing-masing

1. Nama (HURUF BESAR Mengikut Kad Pengenalan)  
ANAS BIN AZMI

2. No. Kad Pengenalan baru : 850707-07-5331 Umur : 34 Tahun  
(Sila kepilkan salinan)

3. Alamat tetap :

Poskod : 26600 Bandar : PEKAN Negeri : PAHANG

4. No. telefon (Rumah) : \_\_\_\_\_ Email : \_\_\_\_\_  
(Bimbit) : \_\_\_\_\_

Sila lekatkan gambar terkini anda di sini

e.

3. Save pdf dengan nama baru. Sekarang ia sedia utk print.

Sekiranya ianya terlalu sukar untuk anda edit sendiri, cuma print dan isikan dengan tangan secara manual.

Gambar berukuran passport mestilah dikepilkan pada LAMPIRAN 2.

Berikut borang dalam bentuk pdf yang perlu anda download, isi mana yang berkaitan sahaja (untuk permohonan) dan print:

1. LAMPIRAN (1) UAM 01/14 Pendaftaran Agropreneur Muda
  - Tambah Gambar berukuran passport di sini
2. LAMPIRAN (2) UAM 06/17 Penilaian Harga Pembekalan
  - Tambah salinan asal sebut harga
  - Tambah salinan disahkan SSM x 3 Pembekal
  - Tambah salinan disahkan Pendaftaran Kewangan x 3 Pembekal
3. LAMPIRAN (3) UAM 05/17 Penilaian Permohonan Geran
4. LAMPIRAN (4) UAM 03/16 Pembekalan
5. LAMPIRAN (5) UAM 02/14 Laporan Pemantauan
6. LAMPIRAN (6) UAM 04/16 Laporan Prestasi Usahawan

---

### (VIII) GAMBAR BERUKURAN PASSPORT

Gambar ini pula mestilah diambil di kedai gambar supaya tampak professional. Pakai pakaian yang sopan dan nampak kemas untuk menimbulkan imej professional. Kepilkan gambar ini pada borang LAMPIRAN 2.

Tahniah anda sudah siap sehingga bab ini. Sekiranya anda masih belum selesaikan bab sebelum ini, adalah disyorkan anda berpatah balik dan siapkannya dahulu. Ini kerana bab ini dan seterusnya adalah final touchup semata-mata, segala isi penting mestilah diselesaikan terlebih dahulu sebelum final make up.

### SIAPKAN MENURUT CHECKLIST

Baik saya pasti sudah lama anda luangkan masa untuk menyiapkan setiap satu dokumen ini. Semak semula menggunakan check list di bawah ini:

#### **Check List 8 Dokumen untuk Permohonan**

- Kertas Kerja bersama Unjuran Kewangan
- Sebut Harga Barang Keperluan dari 3 Syarikat Pembekal
- Gambar-Gambar Projek
- Sijil-Sijil Kursus
- Salinan SSM
- Perjanjian Sewaan Tanah / Premis
- Borang Hadapan
- Gambar Bersaiz Passport

Tidak semestinya anda telah print semuanya setakat ini. Anda digalakkan untuk semak semuanya dahulu sebelum print.

## BETULKAN DAN EDIT SESEDAP RASA

Sekiranya semua telah lengkap, teruskan untuk membaca semula dari depan ke belakang. Anda perlu:

1. Baca keseluruhan sekali
2. Betulkan typo sekiranya ada
3. Taip semula jika bunyi aneh atau tak berkaitan. Pastikan semuanya menghala kepada penceritaan yang projek anda ini bagus, menguntungkan dan menggambarkan diri anda layak untuk bantuan ini.

Sekiranya semua di atas dah OK. Kita gerak ke bab seterusnya, di mana kita mendalami lagi dengan perbandingan permohonan kita dengan permohonan lain yang lengkap pula.



## BAB 4: BANDING DENGAN CONTOH

### CARA SEMAK 1: DOWNLOAD CONTOH LENGKAP

Sebagai contoh yang lengkap. Sila download pdf file di bawah ini sekarang.

- [Permohonan Lengkap Depan Ke Belakang Dana IKC Pisang \(Sampel\)](#)



Contoh ini telah disusun depan ke belakang dengan mengikut aturan keperluan permohonan kita ini.

### CARA SEMAK 2: BANDINGKAN BAB DAN BAB

Cara semak ini berbeza dengan bab sebelum ni, kerana kali ini anda membandingkan permohonan anda dengan permohonan-permohonan orang lain. Seperti anda tahu, semua dana dan pembiayaan ini terhad, maka pasti ada yang berjaya dan ada yang gagal. Jadi bagi memastikan permohonan anda kompetitif, anda boleh semak dan bandingkan sebegini:

1. Mula dari hadapan ke belakang sekali. Beza sebelah menyebelah jika boleh. Cari jika ada:
  - a. Benda yang anda tertinggal
  - b. Isi penting yang anda tidak stresskan
  - c. Isi tak penting yang terlalu panjang anda karang
  - d. Kelebihan anda dari permohonan contoh
2. Ubah terus ketika kesalahan atau idea dating. Teruskan sehingga habis.
3. Yakini anda dah buat terbaik. Terus print dan kepilkan semuanya.

### KAEDAH PRINT DAN BIND

Adalah disarankan anda print hitam putih bagi bahagian karangan dan print berwarna bagi gambar-gambar projek bagi menampakkan seri dokumen anda. Print susun ikut muka surat yang betul, dan ikut susunan ini dari hadapan ke belakang:

1. BORANG:
  - a. Borang UAM 01/14: Pendaftaran Agropreneur Muda
  - b. Borang UAM 06/07: Penilaian Sebut Harga
  - c. Borang UAM 06/17: Penilaian Harga Pembekalan
  - d. Borang UAM 05/17: Penilaian Permohonan Geran
  - e. Borang UAM 03/16: Pembekalan
  - f. Borang UAM 02/14: Laporan Pemantauan
  - g. Borang UAM 04/16: Laporan Prestasi Usahawan
2. KERTAS KERJA RANCANGAN PERNIAGAAN
3. GAMBAR PROJEK
4. SIJIL-SIJIL KURSUS
5. SALINAN SSM
6. PERJANJIAN SEWAAN TANAH

### HANTAR KEPADA PEGAWAI

Penghantaran pada pegawai ini straight forward, tapi ada baiknya anda bina dulu hubungan dengan pegawai terbabit sebelum terus menghantar. Antara langkah-langkah membina hubungan sebelum menghantar ialah:

1. Anda pergi ke agensi yang anda pilih dan tanya untuk bertemu pegawai untuk memohon bantuan.
2. Anda bertanya pada pegawai ini mengenai bantuan. Buat tak tahu lebih bagus dari buat-buat tahu. Ini tips.
3. Anda balik dan siapkan kertas kerja ini.

4. Anda datang semula pada pegawai dan hantarkan. Tanyakan mengenai masa pemprosesan dan kebarangkalian kejayaan anda.
5. Follow up semasa tempoh yang dinyatakan itu menghampiri.

Sungguhpun tips ini remeh, tapi pengalaman mengajar kami yang banyak usahawan terlalu gelojoh untuk mendapat bantuan sehingga terlupa yang pegawai juga manusia biasa. Adat memohon, janganlah terlalu gelojoh.

Berjaya hantar? TAHNIAH! Anda sudah lakukan terbaik setakat ini.

## BAB 6: SIAP! APA LAGI?

Baik, anda dah berjaya siapkan dan hantar. Habis sini saja ke? Sabar tuan, ada lagi perlu buat. Sungguhpun tidak semestahak semua yang anda lakukan sebelum ni, langkah seterusnya ini juga penting untuk terus pastikan kejayaan.

Secara ringkasnya, di bawah ini ialah proses keseluruhan permohonan dana ini.



### FOLLOW UP 1: SEDIA UNTUK LAWATAN PEGAWAI

Di dalam dokumen kita ada sediakan peta premis, surat perjanjian mengusahakan, nombor telefon untuk dihubungi, itu semuanya bersebab. Ini kerana, jika permohonan kertas kerja anda berkualiti, agensi yang terbabitkan akan menghantar pegawainya untuk temuramah di tapak tanah / premis.

Di waktu inilah, anda perlu bersemangat menceritakan:

- a) Apa yang anda dah buat / beli
- b) Apa yang anda rancangkan
- c) Potensi sasaran yang anda ingin capai

Jadi jika lengkap kertas kerja, lengkap lawatan fizikal, anda berkemungkinan tinggi untuk lulus. Jangan miss ye step ini. Ini termasuklah langkah-langkah terakhir kita untuk memastikan kelulusan.


Kami sertakan sekali di sini, nombor untuk dihubungi di peringkat kementerian:



#### JANGAN LUPA FOLLOW UP

Sepanjang menguruskan kursus ini, kami dapati ada dua jenis pemohon. Samada tidak follow up langsung atau follow up setiap hari hingga pegawai rimas. Hehe. Dua-dua tak bagus. Jadi untuk follow up juga perlukan ilmu. Baca ini.

Bagi permohonan IKC, proses pertimbangan permohonan adalah seperti di bawah ini:



Apa yang anda boleh fahami di sini ialah, tiada guna anda follow up setiap hari pegawai anda. Malahan sia-sia dan dia mungkin merajuk dengan anda. Sebaiknya, jika anda pergi berjumpa, tanya ini:

1. Permohonan saya OK? – Jika tak, mohon untuk lengkapkan semula
2. Permohonan saya dah dipass ke negeri? – Jika ya, mohon tanya tempoh menunggu sebelum keputusan. Anda tanya semula selepas tempoh itu
3. Permohonan saya berjaya? – Jika ya, terus follow up pula supplier

Follow up itu baik jika kita plan dengan elok. Malahan ia juga menunjukkan kesungguhan kita untuk bertani. Cuma.. macam saya kata tadi, janganlah berlebihan. Saya kenal ramai yang sangat hebat skill beramah mesranya sehingga sangat mudah malahan sangat cepat bantuan sampai. Jadilah seperti beliau.

## TERUSKAN JUGA WALAU GAGAL, CUBA LAGI

Okay. Bab ni sensitif sikit. Percayalah kami pun merasainya. Jangan putus asa lagi sekiranya tidak berjaya. Cuba lagi. Sekurangnya anda dah ada rancangan perniagaan dan dokumen lengkap. Ada cara lain? Ada. Antaranya:

1. Mohon pinjaman pertanian
2. Mohon pinjaman peribadi (sekiranya berani sahaja)
3. Teruskan apa yang anda ingin lakukan, cuma kecilkan skala anda.  
Sekurang-kurangnya anda boleh cuba lagi tahun depan.

Saya doakan anda sukses. Kegagalan itu ujian sebelum diberikan kejayaan.

## JANGAN LUPA JOIN KOMUNITI PERTANIAN

Bagi memastikan anda tidak keseorangan menempuh dunia keusahawanan pertanian ini, kami telah menubuhkan beberapa grup bimbingan dan komuniti petani untuk anda bertanyakan info terkini dan mendapatkan buah fikiran otai-otai pertanian yang lain.

Sila klik di bawah ini untuk menyertai Group Whatsapp ini:

1. [Suara Petani Pahang](#)



## DAPATKAN UPDATE TAHUNAN BUKU INI

Bagi setiap pembelian buku ini, info mengenai emel dan nombor telefon anda telah didaftarkan di dalam sistem dan ini menjadikan anda layak untuk menerima update tahunan PERCUMA buku ini.

Kami akan menghebahkan pada anda update terbaru setahun sekali melalui emel / Whatsapp / SMS pada nombor yang telah anda daftarkan.



**FREE Update Tahunan**



## BAB 6: INGIN SIJIL KURSUS INI?

Buku ini bukanlah percuma. Ilmunya juga sangat berharga. Anda boleh menggunakannya untuk samada memulakan atau membesarkan lagi perusahaan pertanian / penternakan anda.



### SIJIL Kursus Online

Ada lagi manfaat lain dari buku ini. Kami beranggapan sekiranya anda menghabiskan buku ini sehingga sekarang, anda layak untuk mendapat sekurang-kurangnya sijil bagi kursus rancangan perniagaan ini. Berikut adalah dua cara anda perolehi sijil ini:

#### CARA 1: HADIRI KURSUS

Seperti semua kursus anjuran kami, setiap kursus fizikal kami di Pahang, kami akan berikan sijil sesudah selesainya.

Bagi yang mendapati buku ini secara cetak rompak, maaf tak dapat tolong anda. Jika anda berminat untuk sertai Kursus Rancangan Perniagaan ini, sila klik join salah satu link berikut ini untuk menempah kursus seterusnya:

---

JOIN WHATSAPP GROUP UNTUK INFO KURSUS TERBARU

<https://chat.whatsapp.com/E9jN087UT4hFbEhqXEx9uF>

---

HUBUNGI KAMI BAGI SEMAKAN KURSUS MASA TERDEKAT

Anas: <http://www.wasap.my/60164092053/kursusrp/>

## CARA 2: LULUS EXAM ONLINE

Seperti semua siri kursus digital CoolLat.com disertakan dengan sijil sekiranya anda lulus ujian secara online. Bagi mendapat Sijil Penulisan Rancangan Perniagaan ini, sila klik link di bawah ini dan jawab soalan ujian.

---

### UJIAN ONLINE SIJIL PENULISAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Klik link ini untuk menjawab ujian:

[https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSc0chcKDUhjSbwPnU5QCwUHF0jIVtSopRMkInRcRra\\_UjlvSQ/viewform?usp=sf link](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSc0chcKDUhjSbwPnU5QCwUHF0jIVtSopRMkInRcRra_UjlvSQ/viewform?usp=sf_link)

Sekiranya anda lulus, kami akan menghubungi anda samada melalui emel, whatsapp atau SMS beserta dengan link untuk anda download sijil anda.

TERIMA KASIH ATAS SOKONGAN ANDA. KAMI DOAKAN ANDA BERJAYA DI DALAM PERMOHONAN DANA ANDA INI. AMIN